

HUKUM KANUN PAHANG SEBAGAI ARKIB PERADABAN KELAUTAN ALAM MELAYU

AHMAD FARID ABD JALAL
Perbadanan Muzium Negeri Pahang
farid.muzium@gmail.com

IBRAHIM MAJDI MOHAMAD KAMIL*
Universiti Sains Malaysia
ibrahimmajdi@usm.my

RAHIMIN AFFANDI ABDUL RAHIM
Perbadanan Muzium Negeri Pahang
faqir_ila_rabbih@um.edu.my

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF
Universiti Kebangsaan Malaysia
yuszaidy@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Artikel ini menilai *Hukum Kanun Pahang* (HKP) sebagai arkib peradaban kelautan Alam Melayu. Berasaskan premis bahawa undang-undang bertulis berfungsi sebagai rekod normatif struktur sosial, ekonomi dan politik, artikel ini berhujah bahawa HKP ialah sumber dalaman yang membuktikan wujudnya kehidupan berorientasikan laut di Pahang. Permasalahan yang ditangani ialah kecenderungan historiografi bergantung kepada sumber luaran sehingga mengabaikan sumber undang-undang tempatan. Objektifnya kajian ini untuk menjelaskan rasional HKP sebagai arkib normatif kelautan, mengenal pasti dimensi ekonomi, governan dan hubungan luar dalam HKP, dan menilai implikasi terhadap historiografi Alam Melayu. Metodologi bersifat kualitatif interpretatif melalui analisis teks dan sintesis tematik menggunakan edisi diselenggarakan oleh Yaakub Isa (Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2003) sebagai teks utama. Dapatan menunjukkan pertama, peraturan mu'āmalah dan denda yang menandakan struktur perdagangan berulang. Kedua, hierarki autoriti serta penguatkuasaan sebagai syarat kestabilan mobiliti maritim dan ketiga, norma hubungan luar yang serasi dengan jaringan serantau. Implikasi kajian menegaskan undang-undang sebagai arkib dalaman tamadun maritim, keperluan menilai semula kedudukan Pahang dalam ekonomi laut serantau, dan sumbangan kepada wacana pasca kolonial melalui pemeraksanaan sumber dan kategori pemikiran Islam. Kesimpulannya, HKP wajar dibaca sebagai arkib peradaban kelautan Islam yang mengesahkan kematangan epistemologi, institusional dan sosial masyarakat Melayu-Islam Pahang.

Kata kunci: Alam Melayu; Arkib Peradaban; *Hukum Kanun Pahang*; Kelautan; Undang-Undang Islam.

HUKUM KANUN PAHANG AS AN ARCHIVE OF MARITIME CIVILIZATION IN THE MALAY WORLD

ABSTRACT

This article evaluates the *Hukum Kanun Pahang* (HKP) as an archive of maritime civilization in the Malay World. Grounded in the premise that codified law functions as a normative record of social, economic and political structures, it argues that HKP is an internal source evidencing a sea-oriented lifeway in Pahang. The problem addressed is the historiographical tendency to rely on external sources while overlooking local legal sources. The objectives are to justify HKP as a normative maritime archive, to identify economic, governance, and external-relations dimensions in HKP and to assess implications for Malay historiography. A qualitative, interpretive method is employed via textual analysis and thematic synthesis, using the edited edition by Yaakub Isa (Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2003) as the primary text. Findings indicate first, mu'āmalah provisions and fines that signal recurrent trade. Second, explicit hierarchies of authority and enforcement as prerequisites for maritime mobility and third, implicit norms for external relations consistent with regional networks. The study implies that law serves as an internal archive of maritime civilization, warrants a reassessment of Pahang's position in the regional sea economy, and contributes to postcolonial discourse by foregrounding indigenous sources and Islamic intellectual categories. In conclusion, HKP should be read as an Islamic maritime civilizational archive attesting to the epistemic, institutional and social maturity of the Malay-Muslim society of Pahang.

Keywords: Civilizational Archive; *Hukum Kanun Pahang*; Islamic Law; Malay World; Maritime.

PENGENALAN

Teks undang-undang lazimnya ditanggapi sebagai instrumen teknikal yang berfungsi mengatur tingkah laku sosial atau sebagai himpunan norma perundangan semata-mata. Dalam konteks sejarah Melayu-Islam, teks undang-undang tempatan seperti *Hukum Kanun Pahang* (HKP) sering dibaca sama ada sebagai adaptasi daripada undang-undang Melayu terdahulu atau sebagai pantulan pengaruh hukum Islam secara umum. Pendekatan sedemikian, walau bagaimanapun, cenderung mengecilkan makna teks undang-undang sebagai dokumen peradaban yang merakam struktur kehidupan masyarakat secara menyeluruh.

Artikel ini mengemukakan satu pembacaan alternatif dengan menempatkan *Hukum Kanun Pahang* sebagai arkib peradaban kelautan Alam Melayu. Dalam kerangka ini, HKP difahami bukan sekadar sebagai teks hukum negeri, tetapi sebagai arkib normatif yang merakam secara tersirat namun sistematik struktur ekonomi, autoriti politik, serta hubungan luar masyarakat Melayu-Islam yang beroperasi dalam dunia kelautan. Dalam historiografi Alam Melayu, kewujudan tamadun maritim sering dibuktikan melalui sumber luaran seperti catatan Cina, laporan pengembara Eropah, atau penemuan arkeologi kapal karam. Sumber-sumber ini memberikan gambaran penting tentang aktiviti pelayaran dan perdagangan, namun kebanyakannya bersifat pemerhatian luaran terhadap dunia maritim Melayu. Sebaliknya, sumber dalaman seperti teks undang-undang tempatan jarang dimanfaatkan sebagai bukti utama kewujudan dan operasi tamadun kelautan.

Kajian ini menggunakan edisi diselenggarakan oleh Yaakub Isa, *Hukum Kanun Pahang: Manuskrip Agung Negeri Pahang* (Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2003). Edisi tersebut menghimpunkan kajian dan transliterasi manuskrip hukum Pahang yang dikaitkan dengan zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafar Mahayuddin Shah (1592–1614), serta memuatkan bibliografi dan indeks yang memudahkan rujukan lanjut. Dalam analisis, sebutan fasal dan halaman merujuk kepada edisi ini.

Hukum Kanun Pahang yang disusun dalam konteks sebuah kesultanan Islam, menyediakan sudut pandang dalaman tersebut. Peruntukan-peruntukan berkaitan perdagangan, mu'āmalah, autoriti politik dan pengurusan sosial mencerminkan keperluan penginstitutionan hukum yang hanya wujud dalam masyarakat yang telah mencapai tahap kestabilan ekonomi dan sosial tertentu. Kajian terhadap manuskrip HKP menunjukkan bahawa peraturan ekonomi dan perdagangan yang terkandung di dalamnya bukan bersifat simbolik, tetapi berfungsi secara praktikal untuk mengawal realiti kehidupan masyarakat yang terlibat dalam jaringan perdagangan serantau (Amru Sazali, 2025).

Kajian ini berhujah bahawa kewujudan tamadun kelautan di Pahang dapat dikenalpasti bukan melalui naratif pelayaran yang eksplisit, tetapi melalui keperluan kepada penginstitutionan undang-undang yang tercermin dalam HKP. Seperti yang dihuraikan oleh Ibn Khaldun, undang-undang bertulis hanya muncul dalam masyarakat yang telah mencapai tahap *'umrān* yang matang, iaitu kehidupan sosial yang stabil, berterusan dan kompleks (Ibn Khaldun, 2005). Dari sudut ini, HKP berfungsi sebagai penanda peradaban, bukan sekadar dokumen perundangan.

Dengan membaca HKP sebagai arkib peradaban kelautan, artikel ini menyumbang kepada tiga bidang utama, iaitu kajian undang-undang Islam Alam Melayu, kajian tamadun maritim, dan historiografi pascakolonial. Pendekatan ini menunjukkan bahawa teks undang-undang tempatan boleh berfungsi sebagai arkib dalaman yang melengkapi bukti material seperti penemuan arkeologi maritim dan kapal karam di perairan Semenanjung Malaysia (Zainuddin Baco & Chia, 2020; Zainuddin Baco et al., 2022).

KERANGKA KONSEPTUAL: TEKS UNDANG-UNDANG SEBAGAI ARKIB PERADABAN KELAUTAN

Undang-undang sebagai Arkib Peradaban

Dalam kajian tamadun dan historiografi kritikal, arkib tidak lagi difahami semata-mata sebagai himpunan dokumen sejarah atau catatan peristiwa, tetapi sebagai struktur pengetahuan yang merakam cara sesebuah masyarakat mengatur kehidupan, kuasa, dan makna. Arkib, dalam pengertian ini, menyimpan bukan sahaja maklumat eksplisit, tetapi juga andaian asas, keutamaan sosial, dan logik institusional yang membentuk sesebuah peradaban.

Teks undang-undang tergolong dalam bentuk arkib yang paling signifikan kerana ia merakam realiti sosial secara normatif. Tidak seperti kronik atau hikayat yang bersifat naratif, undang-undang mencerminkan keperluan struktur sesebuah masyarakat. Sesuatu peraturan hanya diwujudkan apabila wujud realiti sosial yang berulang, stabil, dan memerlukan pengurusan berterusan. Oleh itu, undang-undang bertulis boleh dibaca sebagai arkib peradaban, iaitu rekod tersirat tentang cara hidup, ekonomi, dan autoriti politik masyarakat yang melahirkannya (Foucault, 1972; Hallaq, 2009).

Dalam konteks ini, Hukum Kanun Pahang tidak boleh dilihat sekadar sebagai kompilasi peraturan hukum Islam, tetapi sebagai arkib yang merakam struktur kehidupan masyarakat Melayu-Islam Pahang pada suatu tahap kematangan tamadun tertentu. Jadual berikut menunjukkan Teks undang-undang sebagai arkib peradaban.

JADUAL 1. Teks Undang-undang sebagai Arkib Peradaban

KONSEP TERAS	TAKRIF KONSEPTUAL	FUNGSI SEBAGAI ARKIB	IMPLIKASI PERADABAN	HURAIAN ANALITIK RINGKAS
Arkib	Struktur pengetahuan, bukan sekadar dokumen	Merakam norma, kuasa dan makna	Menunjukkan cara hidup masyarakat	Arkib difahami sebagai sistem yang menyimpan logik institusi dan keutamaan sosial, bukan hanya fakta sejarah (Foucault, 1972).
Undang-undang	Teks normatif berinstitusi	Merakam realiti sosial secara tersirat	Menjadi petunjuk kematangan masyarakat	Undang-undang hanya wujud apabila realiti sosial stabil dan berulang, lalu mencerminkan struktur masyarakat.
Undang-undang bertulis	Norma yang dikodifikasi	Rekod cara hidup dan autoriti	Bukti tamadun berfungsi	Kodifikasi hukum menandakan keperluan pengurusan jangka panjang, bukan penyelesaian ad hoc.
HKP	Teks hukum Islam tempatan	Arkib dalaman masyarakat Pahang	Penanda kematangan tamadun	HKP merakam struktur sosial Melayu-Islam pada tahap peradaban yang telah mapan.

Jadual 1 meletakkan HKP sebagai arkib dalaman yang menyimpan logik institusi dan keutamaan sosial sebuah masyarakat berorientasi laut. Teks hukum berfungsi sebagai bukti peradaban yang lebih stabil berbanding naratif peristiwa.

Tamadun Kelautan sebagai Struktur Kehidupan

Konsep tamadun kelautan dalam artikel ini tidak ditakrifkan secara sempit sebagai kewujudan aktiviti pelayaran atau perdagangan laut semata-mata. Sebaliknya, tamadun kelautan difahami sebagai sistem kehidupan menyeluruh yang terbentuk apabila laut berfungsi sebagai ruang utama ekonomi, mobiliti, dan hubungan luar, serta diatur melalui institusi dan norma yang stabil.

Dalam perspektif sejarah jangka panjang (*longue durée*), laut membentuk corak peradaban dengan cara yang lebih mendalam berbanding sekadar laluan perdagangan. Laut menentukan orientasi ekonomi, pembentukan autoriti politik, dan keperluan kepada pengawalan hubungan rentas wilayah (Braudel, 1992). Oleh itu, kewujudan tamadun kelautan hanya dapat dikenal pasti apabila aktiviti laut telah mencapai tahap keteraturan dan kesinambungan, sehingga memerlukan penginstitutionan norma dalam bentuk undang-undang.

Dalam konteks Alam Melayu, pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa rantau ini merupakan sebahagian daripada jaringan perdagangan maritim antarabangsa sejak awal milenium pertama Masihi. Namun, penyertaan dalam jaringan tersebut tidak secara automatik menandakan kewujudan tamadun kelautan yang matang. Yang membezakan tamadun daripada aktiviti ekonomi sementara ialah kehadiran institusi, khususnya institusi undang-undang yang mengawal realiti kehidupan kelautan secara sistematik. Jadual di bawah menunjukkan dimensi tamadun kelautan sebagai struktur kehidupan.

JADUAL 2. Tamadun kelautan sebagai Struktur Kehidupan

DIMENSI	TAKRIF TAMADUN KELAUTAN	CIRI UTAMA	KEPERLUAN INSTITUSI	HURAIAN ANALITIK RINGKAS
Ekonomi	Laut sebagai ruang ekonomi utama	Perdagangan berterusan	Undang-undang mu'āmalah	Ekonomi laut yang stabil memerlukan peraturan untuk mengawal transaksi dan konflik.
Mobiliti	Laut sebagai laluan sosial & politik	Pergerakan rentas wilayah	Autoriti governan dan	Mobiliti tinggi menuntut kawalan kuasa bagi menjamin keselamatan dan kestabilan.
Hubungan luar	Interaksi serantau & antarabangsa	Jaringan maritim	Norma hubungan sosial	Tamadun kelautan memerlukan norma untuk mengurus hubungan luar secara sistematik.
Longue durée	Laut sebagai pembentuk tamadun	Kesinambungan sejarah	Institutionalisasi norma	Laut membentuk struktur peradaban dalam jangka panjang, bukan secara episodik (Braudel, 1992).

Undang-Undang Bertulis sebagai Penanda Kematangan Tamadun

Kerangka konseptual artikel ini berpegang pada hujah bahawa undang-undang bertulis merupakan penanda kematangan tamadun. Dalam teori *‘umrān* Ibn Khaldun, undang-undang hanya berfungsi dalam masyarakat yang telah mencapai kestabilan sosial, kesinambungan ekonomi, dan struktur autoriti yang berhierarki. Masyarakat yang bersifat nomad, sementara atau tidak tersusun tidak memerlukan undang-undang bertulis kerana kehidupan mereka tidak menuntut pengurusan normatif yang berpanjangan (Ibn Khaldun, 2005).

Daripada sudut ini, kewujudan *Hukum Kanun Pahang* menandakan bahawa masyarakat Pahang telah melangkaui tahap ekonomi agraria atau mobiliti sementara, dan berada dalam fasa kehidupan yang memerlukan pengaturan hukum secara sistematik. Apabila undang-undang merangkumi aspek perdagangan, mu‘āmalah, autoriti politik dan hubungan sosial, ia mencerminkan kompleksiti kehidupan masyarakat yang hanya dapat difahami dalam konteks peradaban yang matang. Hallaq (2009) turut menegaskan bahawa hukum Islam berfungsi sebagai sistem sosial yang menyeluruh, bukan sekadar mekanisme penyelesaian konflik. Oleh itu, pembacaan undang-undang Islam sebagai arkib peradaban adalah sejajar dengan tradisi pemikiran Islam itu sendiri. Jadual berikut menggambarkan undang-undang bertulis sebagai penanda kematangan tamadun.

JADUAL 3. Undang-undang Bertulis sebagai Penanda Kematangan Tamadun

TAHAP MASYARAKAT	CIRI KEHIDUPAN	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG	STATUS PERADABAN	HURAIAN ANALITIK RINGKAS
Nomad / sementara	Mobiliti tidak stabil	Tidak memerlukan hukum bertulis	Pratamadun	Ketiadaan kesinambungan sosial tidak menuntut pengurusan normatif jangka panjang.
Agraria asas	Ekonomi setempat	Peraturan minimum adat	Peralihan	Norma wujud tetapi belum dikodifikasi secara menyeluruh.
Masyarakat matang	Ekonomi berterusan & kompleks	Undang-undang bertulis	Tamadun matang	Kodifikasi hukum menandakan kestabilan sosial dan autoriti berhierarki (Ibn Khaldun, 2005).
Masyarakat Islam berinstitusi	Hukum sebagai sistem sosial	Hukum Islam menyeluruh	Tamadun Islam	Hukum Islam berfungsi sebagai kerangka hidup, bukan sekadar

penyelesaian
 konflik (Hallaq,
 2009).

Hukum Kanun Pahang dalam Kerangka Arkib Peradaban Kelautan

Berpandukan kerangka konseptual ini, *Hukum Kanun Pahang* difahami sebagai arkib peradaban kelautan Alam Melayu kerana ia merakam secara normatif realiti kehidupan masyarakat yang berorientasikan laut. Peraturan-peraturan dalam HKP tidak perlu menyebut pelayaran atau kapal secara terperinci untuk membuktikan kewujudan tamadun kelautan. Sebaliknya, keperluan kepada peraturan perdagangan, kawalan autoriti, dan pengurusan hubungan sosial itu sendiri sudah mencerminkan realiti masyarakat yang bergantung kepada ekonomi dan mobiliti kelautan. Kajian terhadap manuskrip HKP menunjukkan bahawa peraturan ekonomi dan perdagangan yang terkandung di dalamnya bersifat praktikal dan berfungsi, selaras dengan keperluan masyarakat yang terlibat dalam jaringan perdagangan serantau (Amru Sazali, 2025) Dalam kerangka ini, HKP berfungsi sebagai arkib dalaman yang merakam cara masyarakat Melayu-Islam Pahang menginstitusikan kehidupan kelautan melalui hukum.

Secara keseluruhan, kerangka konseptual kajian ini berpaksikan tiga andaian utama. Pertama, teks undang-undang merupakan arkib peradaban yang merakam struktur kehidupan masyarakat secara normatif. Kedua, tamadun kelautan hanya wujud apabila aktiviti laut mencapai tahap keteraturan dan kesinambungan yang memerlukan penginstitusian norma. Ketiga, kewujudan Hukum Kanun Pahang sebagai teks undang-undang bertulis menandakan bahawa Pahang pernah berfungsi sebagai sebahagian daripada tamadun kelautan Islam Alam Melayu. Kerangka ini menyediakan asas konseptual yang kukuh untuk bahagian seterusnya artikel, iaitu perbincangan tentang bagaimana kandungan Hukum Kanun Pahang berfungsi sebagai arkib peradaban kelautan melalui analisis sintesis fasal-fasal yang berkaitan. Jadual berikut menunjukkan HKP dalam kerangka arkib peradaban kelautan.

JADUAL 4. *Hukum Kanun Pahang* dalam Kerangka Arkib Peradaban Kelautan

ELEMEN HKP	APA YANG DIREKODKAN	BENTUK ARKIB	MAKNA KELAUTAN	HURAIAN ANALITIK RINGKAS
Perdagangan mu'āmalah	& Aktiviti ekonomi berulang	Arkib normatif	Ekonomi kelautan stabil	Peraturan ekonomi mencerminkan keperluan masyarakat yang bergantung kepada perdagangan air.
Autoriti politik	Kuasa raja & pembesar	Arkib governan	Kawalan mobiliti & sumber	Autoriti diperlukan untuk mengurus ruang maritim yang terbuka.

Hubungan sosial	Interaksi masyarakat	Arkib sosial	Kehidupan maritim berinstitusi	Norma sosial menyokong kestabilan dalam masyarakat berorientasi laut.
Ketiadaan naratif pelayaran	Fokus struktur, bukan peristiwa	Arkib tersirat	Kelautan sebagai cara hidup	Tamadun kelautan dibuktikan melalui struktur hukum, bukan cerita pelayaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interpretatif berasaskan analisis teks dan sintesis konseptual, dengan teks *Hukum Kanun Pahang: Manuskrip Agung Negeri Pahang* edisi diselenggarakan oleh Yaakub Isa (Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2003) sebagai sumber primer. Edisi ini menghimpunkan transliterasi manuskrip undang-undang Pahang yang dikaitkan dengan zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafar Mahayuddin Shah (1592–1614) serta mengandungi bibliografi (hlm. 194–208) dan indeks yang memudahkan rujukan lanjut. Pendekatan interpretatif dipilih kerana objektif kajian ialah menafsir makna peradaban yang tersirat dalam teks undang-undang tempatan. Dalam tradisi kajian kemanusiaan dan undang-undang Islam, teks perundangan difahami bukan sekadar himpunan peraturan teknikal, tetapi sebagai dokumen institusional yang merakam struktur sosial, ekonomi dan politik masyarakat yang melahirkannya. Pandangan ini selari dengan hujah Hallaq (2009) bahawa hukum Islam berfungsi sebagai sistem sosial yang menyeluruh, dan dengan pendekatan Bowen (1998) yang melihat undang-undang sebagai wacana yang dibentuk oleh rasionaliti sosial masyarakat. Sehubungan itu, HKP dianalisis sebagai arkib normatif peradaban, iaitu sumber dalaman yang mencerminkan tahap kematangan sosial dan institusional masyarakat Melayu-Islam Pahang dalam konteks kehidupan kelautan.

Analisis Teks sebagai Arkib Peradaban

Kajian ini berpaksikan pembacaan undang-undang sebagai arkib pengetahuan dan kuasa, selaras dengan pendekatan historiografi kritikal yang menekankan peranan teks institusional dalam membentuk dan merekod realiti sosial (Foucault, 1972). Dalam kerangka ini, peruntukan undang-undang tidak dibaca secara terasing, tetapi ditafsir sebagai respons normatif terhadap realiti kehidupan yang berulang dan stabil. Pendekatan ini membolehkan kandungan HKP diteliti sebagai pantulan struktur ekonomi perdagangan, autoriti politik dan hubungan luar masyarakat Melayu Pahang, tanpa bergantung kepada naratif peristiwa atau sumber luaran sebagai asas utama tafsiran.

Analisis Naratif dan Sintesis Konseptual

Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis naratif deskriptif, di mana teks HKP dibaca secara menyeluruh dan disintesis mengikut tema besar yang berkaitan dengan kehidupan kelautan, seperti perdagangan, mu'āmalah, governan dan hubungan rentas wilayah. Pendekatan ini menumpukan kepada pola makna dan rasionaliti institusional yang berulang dalam struktur teks, bukan kepada pengukuran

kuantitatif atau pengkodan teknikal. Analisis tematik dalam kajian kualitatif berfungsi sebagai alat interpretatif untuk memahami bagaimana nilai dan struktur tertentu dibentuk secara konsisten dalam teks (Braun & Clarke, 2006). Dalam kajian ini, analisis tematik digunakan sebagai kaedah sintesis konseptual bagi menjelaskan fungsi HKP sebagai arkib peradaban kelautan, tanpa memperincikan prosedur teknikal yang berlebihan.

Perbandingan Kontekstual Terhad

Bagi memastikan tafsiran yang berasas dan tidak terasing, dapatan daripada teks HKP ditafsir secara perbandingan kontekstual terhad dengan kajian sedia ada tentang sejarah maritim Alam Melayu, termasuk kajian perdagangan, teknologi perahu dan arkeologi maritim. Perbandingan ini bertujuan mengukuhkan kefahaman terhadap konteks sejarah yang lebih luas, tanpa menjadikan sumber luaran sebagai penentu utama makna teks. Pendekatan perbandingan kontekstual ini lazim digunakan dalam kajian sejarah dan tamadun untuk menghubungkan sumber normatif dengan realiti material dan sosial yang melahirkannya (Reid, 1993; Lombard, 1990).

Justifikasi Pendekatan Metodologi

Pendekatan metodologi kajian ini dipilih atas tiga justifikasi utama. Pertama, sifat kajian yang menekankan sumbangan konseptual dan tafsiran peradaban menuntut kaedah interpretatif yang sesuai dengan tradisi kemanusiaan. Kedua, undang-undang Islam berfungsi sebagai sistem sosial yang menyeluruh, justeru memerlukan pembacaan yang melangkaui aspek hukum teknikal (Hallaq, 2009). Ketiga, kajian ini bertujuan menyumbang kepada wacana pascakolonial dengan menilai sejarah tempatan melalui sumber dalaman dan kategori pemikiran tempatan. Oleh itu, metodologi kajian ini bersifat interpretatif, naratif dan sintesis, sejajar dengan amalan penyelidikan dalam bidang kajian tamadun, sejarah intelektual dan undang-undang Islam.

Secara keseluruhan, metodologi kajian ini membolehkan *Hukum Kanun Pahang* dianalisis sebagai arkib peradaban kelautan melalui pembacaan teks undang-undang secara naratif dan kontekstual. Pendekatan ini menegaskan bahawa kajian tamadun boleh dibina melalui tafsiran terhadap struktur normatif yang mengatur kehidupan masyarakat, sekali gus mengukuhkan hujah bahawa HKP berfungsi sebagai arkib peradaban kelautan Islam di Alam Melayu.

HUKUM KANUN PAHANG (HKP) SEBAGAI ARKIB PERADABAN KELAUTAN ALAM MELAYU

HKP dan Struktur Ekonomi Kelautan

Pembacaan menyeluruh terhadap kandungan *Hukum Kanun Pahang* (HKP) memperlihatkan bahawa teks ini merakam satu struktur ekonomi yang terinstitusi, bukan ekonomi sara diri atau pertukaran sporadik. Peruntukan berkaitan mu'āmalah, perdagangan, denda dan kawalan transaksi menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi berlaku secara berulang dan berterusan, sehingga memerlukan pengawalan normatif yang sistematik. Keperluan ini lazimnya wujud dalam masyarakat yang terlibat secara aktif dalam perdagangan air dan laut.

Kajian terhadap manuskrip HKP menunjukkan bahawa peraturan ekonomi yang terkandung di dalamnya bersifat praktikal dan berfungsi, khususnya dalam mengawal perdagangan dan aliran komoditi.

Amru Sazali (2025) menegaskan bahawa undang-undang perdagangan dalam HKP mencerminkan realiti ekonomi Pahang sebagai pusat pungutan (*collecting centre*) dalam jaringan perdagangan serantau, meskipun tidak berperanan sebagai entrepôt utama seperti Melaka. Kedudukan ini menuntut kewujudan sistem undang-undang yang dapat menstabilkan transaksi, melindungi kepentingan pihak terlibat, dan memastikan kelangsungan ekonomi.

Dalam konteks ini, HKP berfungsi sebagai arkib normatif yang merakam rasionaliti ekonomi kelautan masyarakat Melayu Pahang. Ekonomi yang dirakam melalui undang-undang ini hanya dapat difahami secara bermakna dalam konteks masyarakat yang bergantung kepada perdagangan air sebagai sumber utama kelangsungan hidup, sekali gus mengukuhkan hujah bahawa Pahang pernah berfungsi sebagai sebahagian daripada tamadun kelautan Alam Melayu. Jadual berikut menunjukkan HKP dan struktur ekonomi kelautan.

JADUAL 5. HKP dan Struktur Ekonomi Kelautan

Elemen Analisis	Ciri dalam HKP	Makna Ekonomi	Implikasi Kelautan	Huraian Analitik Ringkas
Mu'āmalah perdagangan	& Peraturan transaksi & denda	Ekonomi berulang & stabil	Perdagangan sebagai asas	Aktiviti ekonomi yang memerlukan pengawalan normatif hanya dalam masyarakat berasaskan perdagangan berterusan.
Kawalan transaksi	Norma undang-undang ekonomi	Pengurusan pasaran	Keperluan institusi	Pasaran kelautan memerlukan kestabilan peraturan untuk melindungi kepentingan pelbagai pihak.
Pusat pungutan	Undang-undang praktikal	Fungsi wilayah ekonomi	Peranan nodal dalam jaringan	HKP mencerminkan peranan Pahang sebagai <i>collecting centre</i> , bukan ekonomi terpencil (Amru Sazali, 2025).
Ekonomi sara diri (ditolak)	Ketiadaan ciri ad hoc	Bukan ekonomi subsisten	Tamadun ekonomi	Struktur hukum menolak Pahang sebagai

Jadual 5 menghuraikan tiga elemen utama struktur ekonomi kelautan yang dirakam dalam *Hukum Kanun Pahang* (HKP), iaitu mu'āmalah dan perdagangan, kawalan transaksi, dan fungsi wilayah sebagai pusat pungutan. Ketiga-tiga elemen ini menunjukkan bahawa ekonomi Pahang pada era tersebut sudah beroperasi dalam kerangka perdagangan maritim yang tersusun dan berulang, bukan bersifat sara diri atau terhad kepada pengeluaran tempatan.

Elemen pertama, mu'āmalah dan perdagangan, memperlihatkan kewujudan peraturan terperinci mengenai transaksi, timbangan dan denda. Kewujudan peraturan sedemikian menunjukkan bahawa perdagangan berlaku dengan frekuensi tinggi sehingga memerlukan kestabilan norma undang-undang. Ini ialah ciri masyarakat kelautan yang bergantung kepada aliran komoditi melalui sungai dan laut. Contoh petikan parafrasa HKP adalah seperti berikut:

“Barang siapa melakukan jual beli, hendaklah timbangannya benar dan tidak dikurangi; jika didapati menipu sukatan atau harga, maka dikenakan denda menurut kadar kesalahannya.”

(HKP, fasal perdagangan, hlm. XX — parafrasa)

Elemen kedua, kawalan transaksi, berkait dengan larangan manipulasi pasaran seperti penahanan harga atau penipuan dagangan. Hal ini menunjukkan bahawa pemerintah Pahang mengawal kestabilan pasaran demi menjaga kepercayaan pedagang luar dan dalam. Kawalan seperti ini sangat penting dalam konteks perdagangan maritim di mana aliran komoditi dan pedagang bergerak rentas wilayah. Contoh petikan parafrasa HKP adalah seperti berikut:

“Jika seseorang menguasai barang dagangan dengan maksud menahan harga atau menekan orang ramai, maka dikenakan denda berat kerana mengganggu keseimbangan pasaran.”

(HKP, fasal denda dan kawalan pasaran, hlm. XX — parafrasa)

Elemen ketiga, fungsi wilayah sebagai pusat pungutan, menunjukkan Pahang memainkan peranan sebagai *collecting centre* dalam jaringan perdagangan serantau. Hasil komoditi dari pedalaman dihimpunkan terlebih dahulu sebelum diperdagangkan kepada pedagang luar, menggambarkan struktur ekonomi yang tersusun dan dibantu oleh autoriti negeri. Contoh petikan parafrasa HKP adalah seperti berikut:

“Segala hasil dagangan dari hulu hendaklah dihimpunkan terlebih dahulu di bawah pengetahuan pembesar negeri sebelum dilepaskan kepada pedagang luar.”

(HKP, fasal hasil & pungutan, hlm. XX — parafrasa)

Secara keseluruhannya, peraturan-peraturan ini memperlihatkan bahawa HKP merakam rasionaliti ekonomi kelautan yang matang, iaitu ekonomi yang memerlukan kestabilan undang-undang, penyelarasan

institusi, dan kepercayaan pasaran. Struktur ini sejajar dengan masyarakat yang bergantung kepada perdagangan air sebagai teras kehidupan dan bukan ekonomi agraria tertutup. Hal ini menegaskan fungsi HKP sebagai arkib normatif peradaban kelautan, bukan sekadar koleksi peraturan teknikal.

Governan dan Autoriti dalam Konteks Kehidupan Kelautan

Selain struktur ekonomi, HKP turut merakam keperluan kepada governan dan autoriti politik yang tersusun. Peruntukan yang menetapkan peranan raja dan pembesar serta hierarki hukuman menunjukkan bahawa kuasa politik bukan sekadar simbol kedaulatan, tetapi berfungsi sebagai mekanisme kawalan terhadap masyarakat dan sumber ekonomi. Dalam masyarakat kelautan, kawalan autoriti menjadi lebih signifikan kerana aktiviti perdagangan dan mobiliti rentas wilayah memerlukan kestabilan politik serta jaminan keselamatan. Perspektif sejarah maritim menunjukkan bahawa laut sebagai ruang ekonomi yang terbuka memerlukan pengawalan politik yang lebih rapi berbanding ekonomi daratan (Braudel, 1992). Oleh itu, kewujudan struktur governan yang jelas dalam HKP mencerminkan keperluan untuk mengurus realiti kelautan yang kompleks.

HKP, dalam hal ini, berfungsi sebagai arkib kuasa yang merakam bagaimana masyarakat Melayu-Islam Pahang menginstitusikan autoriti bagi menyokong kelangsungan kehidupan ekonomi dan sosial yang berasaskan laut. Kewujudan peruntukan hukuman dan autoriti ini hanya relevan dalam masyarakat yang berfungsi secara stabil dan berterusan, sekali gus menandakan tahap kematangan peradaban.

JADUAL 6. Governan dan Autoriti dalam Konteks Kelautan

Elemen Governan	Manifestasi dalam HKP	Fungsi Politik	Makna Kelautan	Huraian Analitik Ringkas
Raja & pembesar	Hierarki kuasa	Kawalan wilayah & sumber	Kestabilan perdagangan	Autoriti politik diperlukan untuk mengawal ruang maritim yang terbuka dan dinamik.
Hukuman & disiplin	Struktur penalti	Penguatkuasaan norma	Keselamatan mobiliti	Hukuman menandakan keperluan disiplin dalam masyarakat bermobiliti tinggi.
Governan tersusun	Peraturan berhierarki	Institusionalisasi kuasa	Pengurusan laut	Laut menuntut kawalan politik lebih rapi berbanding ekonomi daratan (Braudel, 1992).

Simbol kedaulatan (ditolak)	Kuasa fungsional	Autoriti operasional	Tamadun matang	Kuasa dalam HKP bersifat praktikal, bukan simbolik semata-mata.
--------------------------------	------------------	----------------------	----------------	--

Jadual 6 memperincikan empat elemen governan yang menunjukkan bagaimana *Hukum Kanun Pahang* (HKP) merakam struktur kuasa politik yang berfungsi untuk menyokong kehidupan masyarakat kelautan. Keempat-empat elemen tersebut, hierarki raja dan pembesar, struktur hukuman, peraturan berhierarki, dan kuasa fungsional menunjukkan bahawa autoriti politik di Pahang telah diinstitusikan bagi mengurus ekonomi maritim, mobiliti masyarakat dan keselamatan wilayah.

